

KONSEPTUAL KUALITI KERJA EKONOMI GIG DAN FAKTOR YANG MEMPENGARUHINYA SEMASA PANDEMIK COVID-19: SATU ANALISIS SOROTAN LITERATUR SISTEMATIK

¹Nurul Hafiza Labin

²Dzurizah Ibrahim

^{1&2}Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah

¹nhafizalabin@gmail.com, ²idzuri@ums.edu.my

Tarikh dihantar: 19 Mei 2023 / Tarikh diterima: 14 Jun 2023

Abstrak Kualiti pekerjaan ekonomi gig dapat dikonseptkan sebagai suatu kondisi pekerjaan yang tidak teguh iaitu kurang jaminan dari aspek upah, keselamatan dan kesihatan menyebabkan pekerja berdepan dengan kemerosotan kualiti pekerjaan. Namun begitu, konsep yang mengambil kira senario pandemik masih kurang dibincangkan dalam kajian kontemporari. Hal ini disebabkan bentuk kualiti pekerjaan adalah berbeza berdasarkan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Oleh itu, analisis sorotan sistematik ini dilaksanakan bagi meneroka konsep dan faktor mempengaruhi kualiti pekerjaan ekonomi gig dengan kira pandemik COVID-19, menggunakan kaedah PRISMA. Kaedah ini adalah suatu analisis menerusi proses *inclusion*, *exclusion*, dan *eligibility* berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. Hasil analisis yang dilaksanakan, terdapat tujuh tema yang dibincangkan mengenai konseptual kualiti pekerjaan ekonomi gig semasa pandemik iaitu (1) ketidaktentuan pendapatan; (2) persekitaran pekerjaan tidak selamat; (3) tiada jaminan pekerjaan; (4) autonomi dan fleksibiliti terbatas; (5) tiada penghormatan pekerjaan; (6) tiada manfaat perlindungan sosial; dan (7) kandungan pekerjaan tidak menentu. Manakala terdapat lima tema ditemukan bagi faktor mempengaruhi kualiti pekerjaan tersebut iaitu (1) kondisi ketidakteguhan pekerjaan; (2) sistem teknologi algoritma; (3) pasaran buruh; (4) peranan badan/institusi/kerajaan; dan (5) peranan pelanggan. Dapatkan analisis ini diharap dapat dijadikan sumbangan bermakna dalam konteks kajian kualiti pekerjaan dan ekonomi gig.

Katakunci: sorotan literatur sistematik, ekonomi gig, kualiti pekerjaan, COVID-19

PENDAHULUAN

Pandemik COVID-19 telah memberi dampak signifikan dalam dunia pekerjaan di seluruh dunia (Kniffin *et al.*, 2021). Krisis ini telah mengakibatkan struktur pekerjaan menjadi semakin tidak menentu sehingga menjelaskan kualiti pekerjaan (Figart, 2021). Buktinya, kajian yang dilaksanakan oleh Trade Union Congress (2020) mendapati hampir tujuh daripada sepuluh pekerja ekonomi gig telah kehilangan pendapatan, satu daripada empat pekerja kurang waktu kerja, dan lebih separuh telah kehilangan pekerjaan sepenuhnya semasa pandemik. Kajian Kniffin *et al.*, (2021) juga mendapati 70% daripada pekerja gig berdepan dengan pengurangan waktu bekerja semasa pandemik. Wabak COVID-19 turut menyebabkan golongan pekerja ini berdepan dengan pengurangan upah secara mendadak sehingga 49% (Kniffin *et al.*, 2021).

Secara umumnya, istilah 'ekonomi gig' juga merujuk kepada ekonomi pertunjukan, platform digital, ekonomi perkongsian, dan ekonomi digital (Kenney dan Zysman, 2016). Menurut Katriina Lepanjuuri *et al.*, (2018), ekonomi gig ini dapat diklasifikasikan sebagai pertukaran buruh untuk wang. Dalam erti kata lain, ianya adalah aktiviti pemandanan antara individu dan syarikat atau penyedia dan pelanggan yang berlaku melalui platform digital, secara jangka pendek dan upah dibayar mengikut tugas (Katriina Lepanjuuri *et al.*, 2018). Terdapat dua kategori ekonomi gig iaitu ekonomi gig berdasarkan '*location-based*' dan '*web-based*'. Bagi '*location-based*', ianya adalah kerja yang dilaksanakan melalui platform digital seperti perkhidmatan *e-hailing* dan penghantaran makanan (Kidd, 2020). Manakala '*web-based*' pula merupakan pekerjaan yang dilaksanakan di mana-mana sahaja menggunakan komputer seperti pekerja bebas (Kidd, 2020). Tidak dinafikan ekonomi gig menawarkan pekerja tahap fleksibiliti dan autonomi yang tinggi (Hedvall dan Gustavsson, 2022). Namun begitu, pekerjaan ini cenderung menawarkan gaji rendah, waktu bekerja tidak menentu, beban kerja yang tinggi hingga kurang waktu tidur dan keletihan (Wood, 2019).

Hedvall dan Gustavsson (2022) turut menggariskan bahawa ekonomi gig sering berdepan dengan aduan tentang persekitaran kerja teruk dan keselamatan sosial yang rendah. Bukan itu sahaja, malahan pekerja gig juga tidak mendapat faedah seperti cuti bergaji, cuti sakit atau pampasan yang berkaitan (Wessels, 2020). Lazimnya, apabila melihat kepada kondisi dan karakteristik pekerjaan ekonomi gig, ianya adalah bertentangan dengan apa yang dilihat sebagai kualiti pekerjaan yang baik sehingga membawa keimbangan dalam masyarakat perindustrian kontemporari (Myhill 2020). Hal ini disebabkan ianya tidak dapat memenuhi standard minimum bagi piawaian kualiti pekerjaan yang baik. Pada dasarnya, kualiti pekerjaan dapat diklasifikasikan sebagai kondisi pekerjaan (ILO, 2021). Istilah 'kualiti pekerjaan' juga sering digunakan secara bersilih ganti dengan istilah lain misalnya 'pekerjaan yang baik', 'pekerjaan yang adil', dan 'kondisi pekerjaan yang baik' (Warhurst *et al.*, 2017). Kualiti pekerjaan ini merupakan satu *standard* minimum yang perlu dipatuhi berdasarkan piawaian asas dalam dunia pekerjaan (Burgess, 2003).

Pekerjaan yang tidak mencapai piawaian ini dianggap tidak memuaskan. Piawaian ini boleh dinilai berdasarkan kerangka konseptual 'Decent Work' oleh ILO (2014). Berdasarkan piawaian tersebut, terdapat 11 karakteristik bagi kualiti pekerjaan *standard* yang baik. Antaranya (1) pendapatan mencukupi; (2) perlindungan sosial; (3) persekitaran kerja selamat; (4) akses perundingan kolektif; (5) faedah pekerjaan; (6) kesimbangan kerja, keluarga dan kehidupan peribadi; (8) waktu kerja yang baik; (9) kestabilan dan keselamatan kerja; (10) peluang dan layanan yang baik dalam pekerjaan; dan (11) kerja yang patut dimansuhkan seperti buruh kanak-kanak. Pekerjaan yang mampu memenuhi piawaian ini akan dikenalpasti sebagai suatu pekerjaan yang baik kerana mampu menjaga hak asasi manusia dan hak-hak pekerjaan setiap individu (Burgess, 2003). Kualiti pekerjaan penting kerana ianya mampu mempengaruhi


sikap dan tingkah laku (Warhurst *et al.*, 2017), menilai produktiviti dan kepuasan hidup seseorang individu (Seubert *et al.*, 2021).

Myhill (2020) telah mengaplikasikan satu kerangka teoritikal berdasarkan kajian-kajian sedia ada bagi mengenal pasti konsep kualiti pekerjaan ekonomi gig dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Dalam kajian tersebut, konsep kualiti kerja ekonomi gig dapat difahami dari beberapa aspek iaitu pemerolehan upah, autonomi, partisipasi di tempat kerja, jaminan pekerjaan, peluang mendapatkan latihan dan mengembangkan kerjaya. Bukan itu sahaja, ianya juga dapat dilihat melalui aspek persekitaran kerja dan waktu bekerja. Berdasarkan kerangka teoritikal yang digunakan, Myhill (2020) mendapati bahawa pekerjaan ekonomi gig memperlihatkan kualiti pekerjaan yang kurang baik kerana kurang memenuhi piawaian minimum bagi kualiti pekerjaan *standard*. Zaimy Johana Johan *et al.*, (2022) juga telah melaksanakan satu analisis sorotan literatur sistematik bagi memahami secara kontekstual berkenaan kualiti pekerjaan ekonomi gig. Berdasarkan analisis berkenaan, kualiti pekerjaan ekonomi gig secara umumnya dapat dikonsepkan sebagai suatu kondisi pekerjaan yang teruk kerana upah yang rendah, wujud pengasingan sosial, waktu kerja tidak teratur, kerja berlebihan sehingga pekerja kurang tidur dan keletihan.

Pekerja juga terhad dari segi fleksibiliti kerana, majikan masih perlu membuat keputusan dari segi penerimaan tugas dan mengawal cara tugas dilakukan. Kumpulan ini juga tiada kepastian dari segi kesinambungan kerja, wujud diskriminasi, dan risiko keselamatan tinggi. Keadaan kerja ini tidak mampu memenuhi keperluan asas seseorang individu (Zaimy Johana Johan *et al.*, 2022). Dalam kajian Myhill (2020) juga, faktor seperti teknologi algoritma, karakteristik individu, dan pasaran buruh dilihat telah mempengaruhi kualiti pekerjaan tersebut. Hal ini disebabkan pekerjaan ekonomi gig dilaksanakan berdasarkan pengaturan platform digital yang mana tugas yang dilaksanakan adalah dikawal sepenuhnya oleh sistem algoritma. Karakteristik individu pula mempengaruhi kualiti pekerjaan kerana setiap pekerja mempunyai persepsi masing-masing sama ada suatu pekerjaan yang dilakukan mempunyai kualiti pekerjaan yang baik atau tidak. Ianya selaras dengan kajian Zaimy Johana Johan *et al.*, (2022) yang ada membincangkan bahawa kualiti pekerjaan ini dipengaruhi oleh karakteristik individu itu sendiri berdasarkan kemauan dan ekspektasi dari aspek kepuasan kerja dan hidup masing-masing. Walau bagaimanapun, kajian Myhill (2020) dan analisis sorotan Zaimy Johana Johan *et al.*, (2022) tidak dilaksanakan mengambil kira senario pandemik COVID-19. Oleh itu, wujud persoalan, apakah konseptual bagi kualiti pekerjaan ekonomi gig mengambil kira pandemik COVID-19 dan faktor mempengaruhinya berdasarkan kajian-kajian kontemporari?

Sehubungan dengan itu, artikel ini ingin melaksanakan analisis sorotan literatur secara sistematis berkenaan konsep kualiti pekerjaan ekonomi gig dan faktor mempengaruhinya mengambil kira senario pandemik COVID-19 berdasarkan kajian-kajian kontemporari agar kefahaman mendalam berkenaan konteks kajian ini dapat dibincangkan secara menyeluruh. Berikut merupakan kerangka konseptual yang digunakan dalam kajian ini.

Rajah 1: Adatptasi kerangka konseptual kualiti pekerjaan ekonomi gig dan faktor mempengaruhinya
(Sumber: Myhill, 2021 dan Zaimy Johana Johan *et al.*, 2022)



METODOLOGI

Bagi melaksanakan analisis sorotan secara sistematik berkenaan konsep dan faktor mempengaruhi kualiti pekerjaan ekonomi gig, kaedah PRISMA iaitu *Preferred Reporting Items for Systematic reviews and Meta-Analyzes* akan digunakan. Kaedah ini menggunakan empat proses bagi menganalisis sorotan secara sistemtik iaitu kaedah *identification, inclusion, exclusion*, dan *eligibility* (Moher, 2021). Bagi proses pertama iaitu *identification*, kata kunci utama daripada persoalan kajian akan dipelbagaikan yang dibentuk melalui sinonim, tesaurus dan istilah berkaitan. Dalam kajian ini misalnya, kata kunci dikembangkan adalah seperti berikut:

Jadual 1: Kata Kunci Dikembangkan

Objektif kajian	Kata kunci	Kata kunci Dikembangkan
Konsep kualiti pekerjaan ekonomi gig semasa pandemik	<i>Quality of work, Gig economy, pandemic</i>	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Concept = theoretical, view</i> 2. <i>Quality of work = work condition, job quality, quality of working life</i> 3. <i>Gig economy = sharing economy gig work, platform economy</i> <i>Pandemic = COVID-19, coronavirus</i> <i>Worker = employee</i>
Faktor mempengaruhi kualiti pekerjaan pekerja ekonomi gig semasa pandemik	<i>Factor, influence, quality of work, gig economy, worker</i>	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Factor = cause, reason, and factor</i> 2. <i>Influence = affect, impact</i> 3. <i>Quality of work = work condition, job quality, quality of working life</i> 4. <i>Gig economy = sharing economy gig work, platform economy</i> 5. <i>Pandemic = COVID-19, coronavirus</i> 6. <i>Worker = employee</i>

Kata kunci dikembangkan akan digabungkan melalui kaedah *Boolean Operator* dan *Truncation* yang mana kemudiannya akan dimasukkan dalam pangkalan data terpilih iaitu Tandfonline, Springer, dan Sagepub bagi melalui proses seterusnya. Berikut merupakan kata kunci yang telah dikembangkan dan digabungkan.

Jadual 2: Kata Kunci Dikembangkan


Fokus Kajian	Kata Kunci Digabungkan
Konsep kualiti pekerjaan ekonomi gig semasa pandemik	((“concept” OR “theoretical” OR “view”) AND (“quality of work* life” OR “job quality” OR “work condition”) AND (“gig work” OR “gig economy” OR “platform economy” OR “sharing economy”) AND (“worker” OR “employee”) AND (“pandemic” OR “COVID-19” OR “coronavirus”))
Faktor mempengaruhi kualiti kerja ekonomi gig semasa pandemik	((“factor” OR “cause” OR “reason”) AND (“influence” OR “affect*” OR “impact*”) AND (“quality of work* life” OR “job quality” OR “work condition”) AND (“gig work” OR “gig economy” OR “platform economy” OR “sharing economy”) AND (“worker” OR “employee”) AND (“pandemic” OR “COVID-19” OR “coronavirus”))

Proses seterusnya adalah *screening*. Pada bahagian ini, beberapa kriteria akan dibentuk bagi memudahkan pencarian artikel melalui proses *inclusion* dan *exclusion*. Dalam kajian ini, artikel yang diterbitkan dalam tempoh lima tahun iaitu 2018-2022, berbahasa Inggeris, jenis dokumen adalah artikel sahaja yang akan dipilih. Bidang pilihan adalah fokus kepada sains sosial. Kriteria ini akan disaring secara automatik dalam pangkalan data terpilih iaitu Springer, Sagepub, dan Tandfonline. Bagi proses ketiga iaitu *eligibility*, semua artikel yang diperoleh akan disaring secara manual sama ada iaanya menjawab persoalan kajian atau tidak. Akhir sekali, kesemua artikel akan melalui proses pengekstrakan dan analisis data. Melalui proses ini, setiap artikel akan dinilai dan disaring melalui abstrak, tema dan sub tema. Pada bahagian akhir proses ini, hanya 3 artikel sahaja yang ditemukan yang mana bersesuaian dengan persoalan kajian. Berikut merupakan jumlah hasil carian awal dan akhir secara terperinci.

Jadual 3: Jumlah Awal Artikel Diperoleh

Fokus Kajian	Pangkalan Data 1	Pangkalan Data 2	Pangkalan Data 3	Jumlah Keseluruhan
Konsep kualiti pekerjaan ekonomi gig semasa pandemik	18	1417	36	1471
Faktor mempengaruhi kualiti pekerjaan ekonomi gig	15	1431	30	1476
				2947

Rajah 2: Diagram PRISMA Bagi Proses Kajian Literatur Sistematis



DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berikut merupakan dapatan dan perbincangan bagi konsep dan faktor kualiti pekerjaan ekonomi gig mengambil kira senario pandemik COVID-19.

Konsep Kualiti Pekerjaan Ekonomi Gig

Konsep kualiti pekerjaan ekonomi gig mengambil kira pandemik dapat dibincangkan melalui beberapa dimensi yang berbeza. Antaranya adalah:

Jadual 4: Konsep Kualiti Pekerjaan Ekonomi Gig

TEMA	PENULIS (TAHUN)	TAJUK	KAEDAH KAJIAN	POPULASI/ SAMPEL	DAPATAN KAJIAN
Tema 1: Ketidaktentuan Pemerolehan Pendapatan	Glavin dan Schieman (2022)	<i>Dependency and Hardship in the Gig Economy: The Mental Health Consequences of Platform Work (2022)</i>	Kuantitatif	3,508 pekerja gig di Kanada	Pemerolehan pendapatan pekerja ekonomi gig adalah tidak menentu semasa pandemik sehingga pekerja berdepan dengan tekanan psikologikal yang tinggi.
	Hui Huang (2022)	<i>Riders on the Storm: Amplified Platform Precarity and the Impact of COVID-19 on Online Fooddelivery Drivers in China</i>	Kualitatif	52 pemandu gig di China	Pendapatan pemandu gig di bandar tidak mencukupi untuk meneruskan keberlangsungan kehidupan sewaktu pandemik.
Tema 2: Persekutaran Pekerjaan Tidak Selamat	Hui Huang (2022)	<i>Riders on the Storm: Amplified Platform Precarity and the Impact of COVID-19 on Online Fooddelivery Drivers in China</i>	Kualitatif	52 pemandu gig di China	Persekutaran pekerjaan gig adalah tidak selamat kerana wujud beban kerja tambahan.
Tema 3: Tiada Jaminan Pekerjaan	Hui Huang (2022)	<i>Riders on the Storm: Amplified Platform Precarity and the Impact of COVID-19 on Online Fooddelivery Drivers in China</i>	Kualitatif	52 pemandu gig di China	Pekerja gig tiada jaminan pekerjaan jangka masa panjang sehingga wujudnya fasa pengangguran sementara.
Tema 4: Autonomi dan Fleksibiliti Terbatas	Glavin dan Schieman (2022)	<i>Dependency and Hardship in the Gig Economy: The Mental Health Consequences of Platform Work (2022)</i>	Kuantitatif	3,508 pekerja gig di Kanada	Autonomi dan fleksibiliti pekerja terbatas semasa pandemik.
Tema 5: Tiada Penghormatan Pekerjaan	Hui Huang (2022)	<i>Riders on the Storm: Amplified Platform Precarity and the Impact of COVID-19 on Online Fooddelivery Drivers in China</i>	Kualitatif	52 pemandu gig di China	Pekerja gig berdepan dengan layanan kurang baik kerana dianggap sebagai pembawa virus oleh masyarakat dan sering dieksplotasi.
Tema 6: Tiada Manfaat Perlindungan Sosial	Hui Huang (2022)	<i>Riders on the Storm: Amplified Platform Precarity and the Impact of COVID-</i>	Kualitatif	52 pemandu gig di China	Pekerja gig juga tidak memperoleh manfaat pekerjaan seperti perlindungan sosial semasa

		<i>19 on Online Fooddelivery Drivers in China</i>			pandemik COVID-19.
Tema 7: Kandungan Pekerjaan Tidak Menentu	Hui Huang (2022)	<i>Riders on the Storm: Amplified Platform Precarity and the Impact of COVID-19 on Online Fooddelivery Drivers in China</i>	Kualitatif	52 pemandu gig di China	Kandungan kerja ekonomi gig juga tidak menentu kerana pemandu <i>e-hailing</i> juga perlu melakukan perkhidmatan pembelian barang runcit.

Secara umumnya, konsep kualiti pekerjaan ekonomi gig dapat dibincangkan melalui beberapa dimensi. Salah satu konsep yang sering dikaitkan adalah ketidaktentuan pemerolehan pendapatan. Menurut kajian Glavin dan Schieman (2022), pekerja ekonomi gig terdiri daripada dua kategori iaitu berdasarkan platform (*e-hailing* dan penghantar makanan) dan bukan platform (pekerja bebas). Namun begitu, kedua-dua kategori pekerja ini memperoleh pendapatan yang tidak menentu semasa pandemik menyebabkan pekerja berdepan dengan tekanan psikologikal yang tinggi. Begitu juga kajian Hui Huang (2022) yang mendapati pendapatan pemandu gig terjejas teruk semasa pandemik sehingga sukar untuk meneruskan keberlangsungan hidup, lebih-lebih lagi pekerja yang tinggal di kawasan bandar. Pekerjaan ekonomi gig juga tiada jaminan keselamatan sosial pekerjaan lebih-lebih sewaktu penularan COVID-19. Buktinya, Hui Huang (2022) mendapati pekerja gig bukan sahaja berkemungkinan besar dijangkiti wabak COVID daripada penumpang, tetapi kumpulan ini juga berisiko untuk berdepan dengan risiko masalah kesihatan fizikal kerana beban kerja yang teruk hingga kurang masa rehat (Hui Huang, 2022).

Selain itu, pekerja ini juga disifatkan sebagai suatu pekerjaan yang tidak mempunyai jaminan pekerjaan (Hui Huang, 2022). Hal ini disebabkan pekerja gig terpaksa berdepan dengan pengangguran sementara akibat tiada jaminan kerja jangka panjang hingga hilang punca pendapatan sewaktu pandemik. Keadaan ini juga telah mengakibatkan mereka terpaksa menjadi buruh tidak bergaji. Lazimnya, ekonomi gig sering dikaitkan dengan autonomi dan kebebasan yang tinggi. Namun begitu, Glavin dan Schieman (2022) mendapati bahawa pekerjaan ini kurang autonomi, kawalan dan kebebasan sewaktu bekerja sepetimana yang dialami oleh pekerja sendiri. Malahan, aspek autonomi ini bukanlah menjadi pilihan utama pekerja gig mencebur pekerjaan ini, melainkan untuk memperoleh pendapatan. Dalam kajian Hui Huang (2022) pula, pekerja ekonomi gig di China jelas memperlihatkan bahawa pekerjaan ini tidak mendapat layanan baik dari aspek penghormatan pekerjaan di negara tersebut. Tidak dinafikan bahawa media sosial sering menguar-uarkan bahawa pekerja gig merupakan hero kerana mampu memberi perkhidmatan pengangkutan, pembelian barang dan makanan untuk memenuhi keperluan semasa pandemik.

Namun begitu, apa yang berlaku, pekerja gig sering berdepan dengan layanan buruk dalam kalangan masyarakat khususnya di China. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka sering dicemuh kerana dianggap sebagai pembawa virus sehingga terdapat pekerja gig yang dihalau secara paksa dari penempatan masing-masing (Hui Huang, 2022). Situasi ini menunjukkan bahawa pekerja tidak mendapat penghormatan pekerjaan yang baik. Bukan itu sahaja, beban kerja pekerja gig ini juga tidak menentu. Hal ini disebabkan platform *e-hailing* di China telah memperkenalkan perkhidmatan baharu iaitu pembelian barang runcit menerusi platform digital yang sama akibat wujudnya permintaan dan keperluan baharu semasa pandemik. Secara tidak langsung, pemandu gig terpaksa melaksanakan dua tugas dalam satu masa yang sama iaitu menjadi pemandu *e-hailing* dan pembeli barang runcit. Ianya mengakibatkan pekerja hilang identiti pekerjaan kerana kandungan pekerjaan yang tidak menentu.

Berdasarkan analisis sorotan kajian literatur secara sistematik bagi objektif pertama ini, pekerjaan ekonomi gig dapat dikonsepkan sebagai suatu pekerjaan yang tidak teguh. Hal ini disebabkan kerana pekerjaan ini tidak memperoleh pendapatan yang menentu (Glavin dan Schieman, 2022 dan Hui Huang, 2022). Pekerjaan ini juga kurang jaminan keselamatan dan sosial, autonomi dan fleksibiliti terbatas, mendapat layanan pekerjaan yang buruk serta kandungan pekerjaan tidak menentu (Hui Huang, 2022). Senario ini memperlihatkan bahawa ianya adalah bertentangan dengan apa yang dinilai sebagai kualiti pekerjaan standard. Dapatkan kajian ini selaras dengan penemuan kajian Myhill (2020) dan analisis sorotan secara sistematik oleh Zaimy Johana Johan *et al.*, (2022). Hal ini disebabkan kedua-dua kajian tersebut turut menyimpulkan bahawa kualiti pekerjaan ekonomi gig dapat dikonsepkan sebagai suatu pekerjaan yang tidak teguh kerana pendapatan yang tidak menentu, tiada jaminan keselamatan sosial, autonomi dan fleksibiliti terbatas, dan kandungan pekerjaan yang membebankan.

Namun begitu, tema bagi objektif pertama dalam analisis sorotan ini tidak dapat membincangkan konsep kualiti pekerjaan dari aspek lainnya seperti penyertaan pekerja, peluang kemahiran, peluang kerjaya, keselamatan pekerjaan, dan jam bekerja mengambil kira senario pandemik COVID-19. Sehubungan dengan itu, kajian akan datang wajar mendalamai konsep kualiti pekerjaan berdasarkan kriteria ini supaya konteks kajian ini dapat dikupas dan dibincangkan secara menyeluruh.

Faktor Mempengaruhi Kualiti Pekerjaan Ekonomi Gig

Berdasarkan konsep kualiti pekerjaan ekonomi gig yang telah dibincangkan, beberapa tema telah dikenalpasti sebagai faktor yang mempengaruhi kualiti pekerjaan ekonomi gig. Antaranya:

Jadual 4: Faktor Yang Mempengaruhi Kualiti Pekerjaan Ekonomi Gig

TEMA	PENULIS (TAHUN)	TAJUK	KAEDAH KAJIAN	POPULASI/ SAMPEL	DAPATAN KAJIAN
Tema 1 : Kondisi Ketidakteguhan Pekerjaan	Irene Y. H. Ng, Zhi Han Tan, Vincent Chua dan Annie Cheong (2022)	<i>Separate Lives, Uncertain Futures: Does Covid-19 Align or Differentiate the Lives of Low- and Higher-Wage Young Workers?</i>	Kualitatif Pekerja Singapura berumur 21 hingga 38 yang pekerjaan terkahirnya adalah tiga tahun, termasuklah pekerja gig.	Kualitatif Pekerja Singapura berumur 21 hingga 38 yang pekerjaan terkahirnya adalah tiga tahun, termasuklah pekerja gig.	Memandangkan pekerja gig sering dikelasifikasikan sebagai pekerja sendiri dan bukan pekerja <i>standard</i> , ramai daripada mereka mengalami pelbagai bentuk ketidakpastian kondisi pekerjaan misalnya dari segi pendapatan dan faedah pekerjaan.
	Hui Huang (2022)	<i>Riders on the Storm: Amplified Platform Precarity and the Impact of COVID-19 on Online Fooddelivery Drivers in China</i>	Kualitatif	52 pemandu gig di China	Pekerja gig tidak mendapat faedah keselamatan khasnya untuk COVID-19 dan manfaat pekerjaan lain kerana ciri pekerjaan mereka yang teguh.
Tema 2: Sistem teknologi algoritma	Hui Huang (2022)	<i>Riders on the Storm: Amplified Platform Precarity and the Impact of COVID-19 on Online Fooddelivery Drivers in China</i>	Kualitatif	52 pemandu gig di China	Pengaruh teknologi seperti penggunaan sistem algoritma telah mengubah bentuk kawalan pekerja terhadap proses pekerjaan.

Tema 3: Pasaran Buruh	Hui Huang (2022)	<i>Riders on the Storm: Amplified Platform Precarity and the Impact of COVID-19 on Online Fooddelivery Drivers in China</i>	Kualitatif	52 pemandu gig di China	Pasaran buruh digital mula berubah apabila berlaku permintaan terhadap <i>trend</i> perkhidmatan pembelian barang runcit semasa pandemik.
Tema 3: Peranan Badan/Institusi/ Kerajaan	Hui Huang (2022)	<i>Riders on the Storm: Amplified Platform Precarity and the Impact of COVID-19 on Online Fooddelivery Drivers in China</i>	Kualitatif	52 pemandu gig di China	Kerajaan mampu mempengaruhi kadar pemerolehan pekerja gig melalui perintah kawalan pergerakan yang dilaksanakan kerana telah mengakibatkan pekerja hilang punca pendapatan semasa COVID.
Tema 5: Peranan Pelanggan/Penu mpang	Hui Huang (2022)	<i>Riders on the Storm: Amplified Platform Precarity and the Impact of COVID-19 on Online Fooddelivery Drivers in China</i>	Kualitatif	52 pemandu gig di China	Cara pelanggan bertindak balas dengan perkhidmatan gig mampu mempengaruhi kualiti pekerjaan dari aspek masa bekerja yang panjang dan kemerosotan pendapatan.

Dalam kajian Irene Y. H. Ng, et al., (2022), ciri ketidakteguhan pekerjaan telah mempengaruhi kualiti kerja ekonomi gig. Hal ini disebabkan pekerja platform ini mewakili kumpulan yang sangat terdedah dengan kondisi pekerjaan yang buruk hingga berisiko untuk hilang pendapatan dan pekerjaan. Hui Huang (2022) turut menghuraikan bahawa pemandu *e-hailing* di China tidak dikategorikan sebagai pekerja *standard*, tetapi sebagai pekerjaan yang tidak teguh. Ketidakteguhan pekerjaan ini telah mengakibatkan pekerja tidak memperoleh jaminan keselamatan sosial pekerjaan dan dinafikan akses kepada faedah khusus yang dikeluarkan oleh kerajaan semasa pandemik. Dalam kajian Hui Huang (2022) juga, penggunaan teknologi seperti sistem algoritma mampu mempengaruhi kualiti pekerjaan. Lazimnya, sistem ini akan menentukan pemberian tugas kepada pekerja, masa, tempoh rehat pekerja, siapa pelanggan, lokasi dan laluan penghantaran. Misalnya di China, sistem ini mengakibatkan pekerja terpaksa menerima tugas secara berterusan bagi dua jenis perkhidmatan sekali gus, iaitu perkhidmatan *e-hailing* dan pembelian barang runcit. Secara tidak langsung, mereka tidak mempunyai autonomi dan fleksibiliti dalam menentukan waktu dan kaedah kerja.

Dalam kajian Hui Huang (2022) juga memperlihatkan bahawa berlaku perubahan *trend* dalam pasaran buruh yang mana diperlukan oleh masyarakat semasa pandemik. Lantaran itu, syarikat platform digital *e-hailing* telah menambah satu lagi perkhidmatan iaitu pembelian barang runcit menggunakan platform yang sama. Ianya menyebabkan pemandu gig berdepan dengan beban tugas yang berlebihan kerana pembelian selalunya dibuat dalam skala yang banyak. Oleh itu, pekerja tidak mampu berehat lama kerana perlu melaksanakan tugas berdasarkan masa yang diperuntukkan, walhal mereka juga perlu menjalankan perkhidmatan *e-hailing*. Hui Huang (2022) turut menyentuh bagaimana dasar dan kawalan pergerakan yang ditetapkan oleh pihak kerajaan sewaktu pandemik telah mengakibatkan pekerja gig berdepan dengan pengurangan pendapatan. Hal ini disebabkan pekerja tidak dapat meneruskan pekerjaan kerana wakil dari pihak kerajaan akan membuat lawatan ke setiap rumah bagi memastikan orang ramai mematuhi perintah kawalan pergerakan.

Meskipun pekerja gig telah membuat permohonan untuk terus bekerja akibat kesempitan kewangan yang dialami, tetapi pihak atasan tetap tidak membenarkan mereka untuk bekerja. Akibatnya, sumber pendapatan pekerja gig semasa pandemik terjejas teruk.

Peranan permintaan penumpang turut dilihat mempengaruhi kualiti pekerjaan ekonomi gig dari aspek masa bekerja dan kadar upah (Hui Huang, 2022). Hal ini disebabkan terdapat pekerja gig yang terpaksa menunggu pelanggan dalam jangka waktu yang lama bagi menerima barang yang dipesan. Ianya berlaku kerana sesetengah pemandu tidak dapat masuk ke kawasan perumahan tertentu dan terpaksa menunggu di luar kawasan tersebut sehinggalah pelanggan datang. Scenario ini telah menyukarkan pekerja gig melakukan penghantaran lain dalam jangka masa yang ditetapkan. Oleh itu, mereka berkemungkinan berdepan dengan pemotongan gaji kerana tidak dapat mematuhi masa yang ditetapkan bagi satu tugas (Hui Huang, 2022).

Secara keseluruhannya, analisis sorotan secara sistematik bagi objektif kedua ini mendapati bahawa kualiti pekerjaan ekonomi gig semasa pandemik lebih dominan dipengaruhi oleh kondisi ketidakteguhan pekerjaan (Irene Y. H. Ng, *et al.*, 2022 dan Hui Huang, 2022). Namun begitu, faktor lain seperti sistem teknologi algoritma, pasaran buruh, peranan badan/institusi/kerajaan, serta peranan pelanggan/ penumpang turut mempengaruhi kualiti pekerjaan tersebut (Hui Huang, 2022). Analisis tema ini menyokong dua dapatan Myhill (2021) yang mendapati teknologi dan pasaran buruh telah mempengaruhi kualiti pekerjaan dari aspek autonomi dan beban kerja. Namun begitu, analisis ini tidak menemukan kajian yang membincangkan aspek karakteristik individu sebagai faktor mempengaruhi kualiti pekerjaan ekonomi gig. Walau bagaimanapun, analisis ini berhasil menemukan tiga faktor baharu mengambil kira pandemik COVID-19 iaitu kondisi ketidakteguhan pekerjaan, peranan badan/institusi/kerajaan, serta peranan pelanggan/ penumpang. Secara tidak langsung, ianya telah menyumbang satu kerangka konseptual baharu berdasarkan analisis dalam kajian kontemporari berkenaan kualiti pekerjaan ekonomi gig.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, analisis sorotan secara sistematik ini dapat membincangkan konsep kualiti pekerjaan ekonomi gig dan faktor mempengaruhinya mengambil kira senario pandemik COVID-19. Analisis serupa ini wajar dilaksanakan bagi melihat apakah konsep kualiti pekerjaan ekonomi gig berdasarkan kajian kontemporari. Hal ini dikatakan demikian kerana kualiti pekerjaan ekonomi gig sebelum dan semasa COVID-19 wujud perbezaan. Hal ini disebabkan wujudnya *trend* keperluan perkhidmatan baharu semasa pandemik bagi membantu masyarakat membeli barang runcit sewaktu sekatan pergerakan dilaksanakan. Namun begitu, ianya telah mengakibatkan pemandu *e-hailing* di China berdepan dengan beban kerja yang tidak menentu. Melalui kajian ini juga, dapat dilihat bahawa faktor mempengaruhi kualiti pekerjaan adalah berbeza berdasarkan beberapa keadaan. Misalnya, dalam konteks pandemik, kerajaan mula melaksanakan dasar kawalan pergerakan sehingga menyebabkan pekerja berdepan dengan kemerosotoan pendapatan kerana tidak dapat menjalankan pekerjaan (Hui Huang, 2022). Begitu juga dengan wujud permintaan baharu dalam pasaran buruh iaitu perkhidmatan pembelian barang runcit kerana masyarakat tidak dapat membeli barang apabila kawalan pergerakan dilaksanakan (Hui Huang, 2022). Faktor ini adalah berbeza dengan kajian yang dilaksanakan sebelum pandemik COVID-19.

Berdasarkan tema-tema yang dibincangkan, ianya mempunyai sumbangan kajian tidak kira dari aspek teoritikal, metodologikal dan praktikal. Dari sudut teoritikal, kajian ini telah menggabungkan dan membincangkan tema-tema bagi konsep kualiti pekerjaan ekonomi gig semasa pandemik COVID-19 dan faktor mempengaruhinya berdasarkan kajian kontemporari. Tema-tema ini mungkin dapat dijadikan sebagai sumbangan konseptual dan teoritikal untuk kajian akan datang. Dari aspek metodologikal pula, dapat dilihat bahawa kajian berkenaan

kualiti pekerjaan ekonomi gig semasa pandemik masih kurang dilaksanakan. Hal ini disebabkan hanya terdapat tiga artikel yang betul-betul menjawab persoalan kajian hasil proses PRISMA, iaitu Irene Y. H. Ng, *et al.*, (2022), Hui Huang, (2022) dan Glavin dan Schieman (2022). Oleh itu, penggabungan hasil daptan ini wajar supaya satu kefahaman mendalam dapat dilakukan berdasarkan daptan kajian sedia ada. Meskipun kajian ini hanyalah analisis sorotan secara sistematik sahaja, tetapi perbincangan kajian ini mampu menjelaskan konseptual kualiti pekerjaan ekonomi gig dan faktor mempengaruhinya dari sudut pandemik COVID-19 sebagai rujukan bagi para panyelidik yang berminat untuk mendalami isu kajian yang sama yang mana ianya satu bentuk sumbangan praktikal.

Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa limitasi kajian. Pertama, pemerolehan data hanyalah melalui kajian lampau yang membincangkan isu-isu di luar negara. Kedua, pencarian artikel hanya dilaksanakan melalui tiga pangkalan data sahaja dan hanya tiga artikel sahaja yang membincangkan konsep atau bentuk kualiti pekerjaan ekonomi gig mengambil kira pandemik COVID-19 dan faktor mempengaruhinya. Sehubungan dengan itu, pengkaji akan datang boleh melaksanakan kajian dalam skop yang sama secara kualitatif atau kuantitatif berdasarkan lokasi pilihan ataupun menggunakan pangkalan data lain berdasarkan kriteria *inclusion* dan *exclusion* pilihan. Melalui analisis sorotan secara sistematik ini, diharapkan ianya dapat dijadikan sebagai suatu sumbangan bermakna dalam konteks kualiti pekerjaan ekonomi gig. Hal ini disebabkan kelompongan kajian memperlihatkan bahawa perlunya lebih banyak kajian berkenaan konseptual dan faktor mempengaruhi kualiti pekerjaan ekonomi gig dengan mengambil kira senario pekerjaan kontemporari. Ianya penting supaya dapat dijadikan panduan bagi meningkatkan lagi taraf kualiti pekerjaan pekerjaan ekonomi gig berdasarkan piawaian perburuhan *standard* sepertimana yang digariskan oleh ILO (2014).

RUJUKAN

- Broughton, A., Green, M, Rickard, dan C, Swift, S., (2016). *Precarious Employment in Europe-Part 1: Patterns, Trends and Policy Strategy*. Europe: European Union.
- Burgess, J. (2003). *The development and application of a job quality index for Australia*. In Proceedings of the 17th Airanz conference, Melbourne.
- Figart, D. M. (2021). The 2021 Veblen-Commons Award Recipient: Deborah M. Figart: Good Work. *Journal of Economic Issues*, 55(2), 271-292.
- Glavin, P., dan Schieman, S. (2022). Dependency And Hardship In The Gig Economy: The Mental Health Consequences Of Platform Work. *Socius*, 8, 23780231221082414.
- Gustavsson, O. dan Hedvall, O., (2022). Job Quality in The Gig Economy: How Do The Workers Perceive It? An Exploratory Study On The Perceived Job Quality For Gig Workers In The Geographically Tethered Gig Economy. (Doctoral Dissertation of Master Thesis, Jonkoping University). Diva Portal. <https://www.diva-portal.org/smash/get/diva2:1674408/FULLTEXT01.pdf>
- Hui Huang. (2022). Riders On The Storm: Amplified Platform Precarity And The Impact Of Covid-19 On Online Food-Delivery Drivers In China. *Journal of Contemporary China*, 31(135), 351-365.
- Irene Y. H. Ng, Zhi Han Tan, Vincent Chua dan Annie Cheong (2022). Separate Lives, Uncertain Futures: Does Covid-19 Align or Differentiate the Lives of Low-and Higher-Wage Young Workers?. *Applied Research in Quality of Life*, 17(6), 3349-3380.
- ILO. (2014). Stock-Taking of the ILO's Programme on Measuring Decent Work: Decent Work Indicators and Decent Work Country Profiles. Diakses dari [https://www.ilo.org/gb/GBSessions/previoussessions/GB322/ins/WCMS_312643/lan](https://www.ilo.org/gb/GBSessions/previoussessions/GB322/ins/WCMS_312643/lang/index.htm) g en/index.htm pada 7 Julai 2023

- ILO. (2017). Decent Work. Diakses dari <https://www.ilo.org/global/topics/decent-work/lang--en/index.htm> pada 12 November 2022
- Katriina Lepanjuuri, Wishart, R dan Cornick, P. (2018). *The Characteristic of Those In The Gig Economy. Department of Business, Energy, and Industrial Strategy*. United Kingdom.
- Kenney, M., dan Zysman, J. (2016). The rise of the platform economy. *Issues in science and technology*, 32(3), 61.
- Kidd, S. C. (2020). Conceptualizing the Gig Economy in Malaysia. *Research for Social Advancement*, 7, 1-23.
- Kniffin, K. M., Narayanan, J., Anseel, F., Antonakis, J., Ashford, S. P., Bakker, A. B., ... dan Vugt, M. V. (2021). COVID-19 And The Workplace: Implications, Issues, And Insights For Future Research And Action. *American Psychologist*, 76(1), 63.
- Moher, D., Page, M. J., Bossuyt, P. M., Boutron, I., Hoffmann, T. C., Mulrow, C. D., ... dan McKenzie, J. E. (2021). Prisma 2020 Explanation and Elaboration: Updated Guidance And Exemplars For Reporting Systematic Reviews. *BMJ*, 372.
- Myhill, K., Richards, J., dan Sang, K. (2021). Job quality, fair work and gig work: The lived experience of gig workers. *The International Journal of Human Resource Management*, 32(19), 4110-4135.
- Myhill, K. (2020). *Gig Work In Scotland: An Exploratory Study Of Job Quality Among Gig Workers In Central Scotland* (Doctoral Dissertation, Heriot-Watt University). ROS Theses Repository, https://www.ros.hw.ac.uk/bitstream/handle/10399/4342/MyhillK_0620_sossSS.pdf?sequence=1&isAllowed=y
- Seubert, C., Hopfgartner, L., dan Glaser, J. (2021). Living Wages, Decent Work, And Need Satisfaction: An Integrated Perspective. *European Journal Of Work And Organizational Psychology*, 30(6), 808-823.
- Warhurst, C., Wright, S. dan Lyonette, C. (2017) *Understanding and Measuring Job Quality. Research Report. Part 1 – Thematic Literature Review*. London: CIPD.
- Wood, A. J., Graham, M., Lehdonvirta, V., dan Hjorth, I. (2019). Good Gig, Bad Gig: Autonomy And Algorithmic Control In The Global Gig Economy. *Work, Employment And Society*, 33(1), 56-75.
- Zaimy Johana Johan, Razieman Mohd Yusoff2, Azimah Daud, Dan Suhana Sulaiman. (2022). The Aspects Of Job Quality And Work Precarity Of On-Demand Gig Workers: A Systematic Literature Review. *Journal Of Advanced Research In Business And Management Studies*, 27(1), 10-15.